

Utusan Pembangunan

AZAM

Angkatan Zaman Mansang Sarawak

PPK 300/04/2012

JILID 7 NO.1 2011

Kepimpinan Akar Umbi Teras Pembangunan



FOKUS • Amanat Tampuk Kepimpinan Negeri kepada Pemimpin Akar Umbi

PERSPEKTIF • Kepimpinan Akar Umbi: Kerjasama, Ilmu Pengetahuan dan Peka pada Pembangunan sebagai Aset Utama

JAKO TANGKAN • Pesan Ari Ketua Pengiring Menua Ngagai Pengiring Bala Penyukung Peringkat Baruh

SENARAI KANDUNGAN

- 3 FOKUS** • Amanat Tampuk Kepimpinan Negeri kepada Pemimpin Akar Umbi
- 4 PERSPEKTIF** • Kepimpinan Akar Umbi: Kerjasama, Ilmu Pengetahuan Dan Peka pada Pembangunan sebagai Aset Utama
- 7 TINJAUAN**
- 7 TAHUKAH ANDA???**
- 8 JAKO TANGKAN**
Pesan Ari Ketua Pengiring Menua Ngagai Pengiring Bala Penyukung Peringkat Baruh



SEJENAK BERSAMA SIDANG EDITORIAL

YBhg. Datu Aloysius J. Dris
Ketua Pegawai Eksekutif, AZAM

Salam Sejahtera.

Surat Berita Utusan Pembangunan AZAM yang berwajah baru ini mengetengahkan tajuk “Kepimpinan Akar Umbi Teras Pembangunan”. Tajuk ini dipilih sebagai menghargai sumbangan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum dalam proses pembangunan di Sarawak.

Isi kandungan dalam terbitan surat berita pada kali ini adalah untuk mengimbas kembali siri **Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010-2011** yang banyak mengandungi amanat berguna daripada pemimpin-pemimpin negeri, pembentangan agenda pembangunan negeri terkini, dan juga soalan-soalan penting yang telah diutarakan oleh para peserta untuk dikongsikan dalam isu pada kali ini. Seminar tersebut telah diadakan untuk semua bahagian di negeri Sarawak, anjuran Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua

Menteri Sarawak dengan kerjasama AZAM Sarawak. Lebih daripada 4,500 pemimpin akar umbi dari seluruh negeri telah menghadiri seminar-seminar tersebut.

Peranan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum sebagai pemimpin akar umbi semakin mencabar seiring dengan peredaran zaman. Mereka dilantik oleh Kerajaan dan berperanan untuk memelihara adat resam, mentadbir adat dan undang-undang serta keharmonian dalam masyarakat.

Selain itu, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum pada hari ini berfungsi sebagai penghubung yang asas dan padu kepada organisasi Kerajaan kerana mereka merupakan golongan yang bertanggungjawab mendalami dan menerangkan program-program dan dasar pembangunan Kerajaan kepada masyarakat.

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Yang Berbahagia Datu Aloysius Dris

KETUA PENYUNTING

Rosalind Yang Misieng
Sim Ah Hua

PENULIS

Mark Nyambang
Nur Shaqhima Hamden
Nur Syuhada Mohd Aris
Belinda Wilson
Rosalind Wong
Kamaruddin Sajeli

JURU ALIH BAHASA (Bahasa Iban)

Janang Ensiring

TERBITAN

Angkatan Zaman Mansang Sarawak (AZAM)
Kompleks AZAM,
Jalan Crookshank,
93000 Kuching, Sarawak
Tel: 082-411799 Faks: 082-258372

DICETAK OLEH:

Bumi Serasi, 242E, Lorong 3, Jalan Green,
93150 Kuching, Sarawak, Malaysia.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Bahan-bahan yang terkandung di dalam terbitan ini hanya boleh diulang guna setelah mendapat izin bertulis dari AZAM.

Usaha pengumpulan maklumat yang terkandung di dalam majalah ini adalah dilakukan dengan rapi dan berhati-hati dan dipastikan tepat dan terkini. Maka dengan itu, Jawatankuasa Penerbitan AZAM tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kesilapan yang berlaku jika maklumat yang diterima itu tidak tepat dan terkini.

Permit Percetakan: PPK 300/04/2012 (029744)

Adalah diharapkan apa yang terkandung dalam isu Utusan Pembangunan AZAM kali ini sedikit sebanyak dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai peranan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum, dan juga mengenai pemikiran pembangunan para pemimpin negeri masa kini.

Untuk pengetahuan pembaca, surat berita AZAM ini mula diterbitkan pada tahun 1990-an. Semoga isu pada kali ini dan juga isu-isu yang akan datang dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Sekian.



Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani
Pengerusi, AZAM Sarawak

PERUTUSAN PENGERUSI AZAM

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera.

Proses pembangunan merupakan proses yang berterusan dan dinamik, yang berkehendakkan setiap lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing dengan berkesan ke arah mencapai matlamat pembangunan negeri dan negara.

Dalam usaha pembangunan, selain daripada kepimpinan yang mantap, masyarakat juga perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan serta perkembangan semasa. Pada zaman di mana perubahan berlaku dengan begitu pantas, capaian kepada maklumat terkini mengenai peluang serta cabaran program pembangunan menjadi semakin kritikal.

Oleh hal itu, aktiviti penyaluran maklumat dan aktiviti perbincangan dan perkongsian idea seperti forum, dialog serta seminar perlu sentiasa diadakan bagi memastikan masyarakat terutama masyarakat di luar bandar tidak terlepas peluang-peluang pembangunan dan tidak tersisih daripada arus perdana pembangunan negeri dan negara.

Sejajar dengan kehendak sebegitulah, pihak AZAM sebagai badan yang berdedikasi menggalakkan komunikasi pembangunan, mengambil inisiatif untuk membantu menyalurkan maklumat yang relevan khasnya kepada masyarakat akar umbi misalnya melalui surat berita Utusan Pembangunan AZAM ini.

Seperti makna yang terkandung dalam nama penerbitan ini, Utusan Pembangunan AZAM bermatlamat menjadi penghubung dalam usaha membantu menyalur dan berkongsi maklumat, ilmu pengetahuan

serta idea-idea yang dikira berguna untuk masyarakat dalam usaha membangunkan diri serta masyarakat masing-masing.

Isu terkini ini memfokuskan kepada peranan kepimpinan akar umbi yang merupakan antara institusi yang amat penting bagi menggerak serta memimpin masyarakat akar umbi mencapai matlamat pembangunan negeri.

Aktiviti komunikasi AZAM yang lain pada masa ini termasuklah rancangan radio bersama pihak Radio Televisyen Malaysia Sarawak (RTM), siri rencana dalam surat khabar dan penyaluran maklumat melalui Internet seperti laman web AZAM, Facebook dan blog. Aktiviti-aktiviti seminar, bengkel dan forum yang mengetengahkan isu-isu pembangunan semasa juga akan terus diadakan khasnya yang mengkaji isu-isu berkaitan dengan Gelombang Kedua Pembangunan Negeri Sarawak dan peranan SCORE dalam agenda pembangunan negeri Sarawak pada tahun-tahun yang akan datang.

Bagi pihak AZAM, saya amatlah berharap surat berita Utusan Pembangunan AZAM ini akan dapat memberi sedikit sebanyak penerangan, inspirasi dan juga motivasi kepada para pembaca bukan sahaja dari golongan pemimpin tetapi juga kalangan mereka yang bekerja rapat dengan masyarakat akar umbi dalam usaha membangunkan rakyat dan negeri agar dapat bersatu dan sealiran dalam usaha bersama memajukan rakyat Sarawak.

Wassalam.



AMANAT TAMPUK KEPIMPINAN NEGERI KEPADA PEMIMPIN AKAR UMBI

Oleh: Nur Shaqima Binti Hamden

Petikan di atas menunjukkan bahawa kepimpinan akar umbi merupakan teras pembangunan di negeri ini. Tanpa kepimpinan akar umbi, maka sesebuah masyarakat itu tidak dapat dimajukan dan mereka diibaratkan sebagai kapal yang tidak berkemudi dan akhirnya akan hanyut di tengah-tengah lautan. Amanat ini dipetik dari ucapan perasmian Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010-2011 yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak di seluruh negeri Sarawak bermula pada September 2010 hingga Mac 2011. Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk memahami Agenda Pembangunan Negeri; Mengetahui tentang peranan dan tanggungjawab Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum; dan Memahami kaedah-kaedah pengurusan dan kepimpinan berkesan.

Sudah terang lagi bersuluh, kepimpinan akar umbi yang efektif semestinya menjadi pegangan utama setiap negeri khususnya dan masyarakat sekeliling amnya kerana pemimpin akar umbi inilah yang akan mengetuai masyarakat dalam mengharungi arus pembangunan dan pemodenan yang semakin rancak.

Pemimpin akar umbi juga dikatakan sebagai teras utama dalam pembangunan negeri kerana mereka bukan sahaja golongan berpengaruh dalam sesebuah kelompok masyarakat yang akan membawa masyarakat untuk bergerak seiring ke arah pembangunan malah mereka juga dikatakan sebagai pengantara yang paling penting sekali dalam menyempurnakan agenda pembangunan negeri.

Bagi Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, kejayaan dan pembangunan juga tidak dapat berjalan dengan lancar tanpa adanya konsep kepimpinan yang baik. “Sejak lahir,

manusia tidak akan terus mempunyai ilmu pengetahuan tetapi sentiasa dipelajari secara berterusan dan semakin bertambah apabila mereka mula bercampur-gaul dan belajar daripada orang yang lebih pandai dan mempunyai banyak pengalaman seterusnya mengaplikasikan ilmu pengetahuan tersebut dalam kehidupan seharian untuk menjadi lebih baik”. “Oleh itu, ilmu pengetahuan sangat penting dan perlu dikembangkan supaya kita mampu menghadapi apa jua masalah yang lebih besar dan memimpin negeri ini agar menjadi lebih maju. Pada masa yang sama juga, anak-anak sebagai generasi pelapis digalakkan untuk belajar sampai ke luar negara supaya mereka dapat memajukan diri mereka sendiri”, tambah beliau lagi.

Apabila kita sudah memahami erti pembangunan dan kemajuan secara menyeluruh, maka kita dapat mengatur strategi yang berkesan untuk masyarakat yang besar agar mereka tidak hanyut begitu sahaja, dibuai arus masa dan pemodenan dengan adanya sifat kepimpinan yang cemerlang.

Dalam erti kata lain, setiap usaha yang dilakukan dalam proses pembangunan ini akan dapat dijalankan dengan baik jika mempunyai asas kepimpinan yang tinggi sekaligus boleh membawa kepada keamanan, perpaduan dan kejayaan

“Kini, kita dapat lihat, pelbagai kaum dalam satu kawasan ataupun lingkungan, tidak kira di tempat kerja ataupun di pusat membeli-belah, mereka dapat bergaul mesra antara satu sama lain disebabkan oleh kemakmuran yang berjaya dibina sejak bertahun-tahun lamanya”.

-YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak

Fokus

Tanpa adanya nilai kepimpinan, masyarakat diibaratkan sebagai ‘sebuah kapal tanpa kemudi’ yang tidak tahu haluan

- Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak

di negara ini. Antara kejayaan yang telah dikecapi oleh Malaysia dan negeri Sarawak ini termasuklah kestabilan politik yang baik, perpaduan rakyat yang jitu, pemantapan pengawalan keamanan negeri dan negara, dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan yang mampu melaksanakan hasrat rakyat yang pelbagai. Hal ini ternyata bahawa kejayaan yang dikecapi pada hari ini adalah hasil penggemblengan tenaga masyarakat kita sejak dari dulu lagi. Maka sebab itulah, Sarawak dapat berkembang maju dalam masa 30 tahun yang lepas. Di samping itu, dengan adanya kemahiran teknologi yang semakin canggih, pelbagai usaha telah dilakukan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada rakyat terutamanya dalam bidang IT agar rakyat tidak ketinggalan berbanding rakyat di negara lain.

Selain itu, cabaran yang paling besar dalam bentuk kepimpinan juga adalah untuk menjaga perpaduan masyarakat dan kestabilan politik supaya dapat membantu melahirkan generasi muda yang lebih bijak dan berdaya saing. Hal ini menunjukkan bahawa peranan pemimpin akar umbi adalah sangat besar di mana mereka mempunyai pengaruh yang luas dalam mempengaruhi masyarakat terutama sekali generasi muda supaya mereka dapat menjadi pekerja profesional yang cemerlang, boleh dipercayai, berkemahiran tinggi dan akhirnya akan memperoleh pendapatan yang lumayan. Oleh itu, apabila SCORE mula dilaksanakan, kita memerlukan ciri-ciri pekerja yang bijak dan berkemahiran untuk bersama-sama dengan kerajaan mencipta kemajuan dan pembangunan yang mapan.

“Setiap kejayaan dan pembangunan akan mudah dicapai sekiranya



setiap kaum dapat bersama-sama berganding bahu dalam memelihara perpaduan”.

-YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak

Memandangkan tanggungjawab yang dipikul oleh pemimpin akar umbi ini adalah terlalu berat, maka mereka telah dipersiapkan dengan pelbagai kursus atau seminar kepimpinan agar kepimpinan mereka menjadi lebih berkesan.

Maka, mulai pada hujung tahun 2010 hingga Mac 2011, terdapat 9 siri Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak dijalankan di seluruh bahagian di negeri ini, bermula di bahagian Kuching dan berakhir di bahagian Bintulu.

Menurut YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Seminar, seminar ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan kepimpinan akar umbi yang bukan sahaja berpengetahuan dan berpandangan jauh bahkan juga mengamalkan nilai-nilai positif iaitu amanah, jujur dan ikhlas sebagai teras kepimpinan yang berkesan.

“Ketua Masyarakat merupakan ‘Jambatan Penghubung’ antara masyarakat dan kerajaan dengan bertindak mewakili penduduk kampung atau rumah panjang untuk menggerak dan menyelaras perancangan dan pelaksanaan program pembangunan di kawasan masing-masing”

-YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Di sini, jelas menunjukkan bahawa ketua masyarakat sebagai pemimpin akar umbi juga bertindak sebagai agen penggerak dan pemangkin perubahan di peringkat akar umbi, lebih-lebih lagi apabila sedang menempuh cabaran arus Gelombang Kedua Pembangunan

yang memerlukan perubahan pada cara berfikir dan bertindak agar masyarakat kita tidak dipinggirkan daripada arus pembangunan.

Selain itu, dalam ucpatama yang disampaikan oleh YB Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Bin Haji Satem yang bertajuk “Kepimpinan Akar Umbi yang Efektif Teras Perpaduan dan Pembangunan” sebagai salah satu pengisian program, beliau banyak mengimbas kembali sejarah perkembangan politik dan pembangunan di negeri Sarawak dari Zaman Pemerintahan Jepun, Zaman Pemerintahan Inggeris, sebelum merdeka, selepas merdeka hinggalah sekarang. Tujuan utama imbasan ini dibuat adalah untuk mengingatkan kita terutama sekali pemimpin akar umbi agar sentiasa bersatu-padu jika ingin berjaya. Kepercayaan pada kepimpinan Ketua Menteri juga turut diserap dalam diri pemimpin akar umbi dengan adanya bukti kemajuan dan pembangunan yang semakin pesat di negeri ini termasuklah dari segi pembangunan bandar, infrastruktur, ekonomi, pelancongan dan sebagainya.

“Ketua Masyarakat perlu tahu kepentingan peranan mereka sebagai seorang pemimpin adalah besar dalam memupuk kestabilan politik dan keharmonian masyarakat”.



- Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Menteri Perancangan dan Pembangunan Sumber II & Menteri Kemudahan Awam Sarawak.

(Rumusan amanat beliau semasa sesi ucpatama Seminar Pembangunan & Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010/11 di Miri)

Para tetamu kehormat dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan turut hadir semasa Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua masyarakat 2010/11 di Kuching

“Setiap kejayaan dan pembangunan akan mudah dicapai sekiranya setiap kaum dapat bersama-sama berganding bahu dalam memelihara perpaduan”.

-YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak

“Kepimpinan Sarawak haruslah diterajui oleh orang Sarawak sendiri. Oleh itu, sejarah perlulah menjadi panduan kerana apa yang berlaku dahulu, dapat mentafsirkan apa yang berlaku pada masa hadapan”.



- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Bin Haji Satem, Menteri Tugas-tugas Khas Sarawak (Rumusan amanat beliau semasa sesi ucpatama Seminar Pembangunan & Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010/11 di Mukah)

“Pemimpin silih berganti, tetapi perjuangan pembangunan mesti diteruskan. Pemimpin akar umbi harus kuat selaras dengan perubahan semasa dan mesti faham dengan peranan kerajaan dalam merangka pembangunan serta mesti bersama-sama berjuang dengan rakyat ke arah pembangunan yang lebih mantap”.

- Yang Berhormat Datuk Amar Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Abang Haji Openg, Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak



(Rumusan amanat beliau semasa sesi ucpatama Seminar Pembangunan & Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010/11 di Kuching)



- *Wajah-wajah pemimpin akar umbi yang banyak membantu kerajaan dalam usaha membangunkan negeri Sarawak*

Perspektif

Oleh: Nur Syuhada Binti Mohd Aris

KEPIMPINAN AKAR UMBI: KERJASAMA, ILMU PENGETAHUAN DAN PEKA PADA PEMBANGUNAN SEBAGAI ASET UTAMA

"Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat mesti terlibat sama dalam pembangunan di negeri ini, meningkatkan pengetahuan dengan program-program pembangunan dan kemajuan serta sedar bahawa mereka juga turut menyumbang sama dalam pembangunan negeri", kata YBhg. Datu Misnu Bin Haji Taha, Pengarah Unit Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

Inilah adalah antara petikan dari kata-kata YBhg. Datu Misnu semasa ditemubual dalam rancangan radio AZAM, Randau Pembangunan Kita bersama dengan Temenggong Haji Helmi Bin Haji Mohd Gol, Temenggong Melayu Bahagian Kuching, pada 16 November 2010 yang lalu bertempat di Studio SarawakFM, RTM Kuching.

Dalam sesi temubual yang ke udara selama 30 minit itu, YBhg Datu Haji Misnu ada menyatakan tiga perkara utama iaitu Pemimpin Akar Umbi, Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat mesti terlibat sama dalam pembangunan di negeri ini; meningkatkan pengetahuan dengan program-program pembangunan dan kemajuan; serta sedar bahawa mereka juga turut menyumbang sama dalam pembangunan negeri.


Pemilihan tema 'Kepimpinan Akar Umbi Teras Pembangunan' adalah satu penghargaan kepada pemimpin akar umbi atas usaha dan khidmat bakti mereka dalam bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk membangunkan negeri ini. Sikap keterbukaan pemimpin akar umbi sebagai 'jambatan penghubung' antara kerajaan dengan rakyat menyebabkan mereka adalah golongan yang paling dekat dengan masyarakat. Dengan lahirnya golongan pemimpin akar umbi inilah, maka setiap maklumat daripada kerajaan mudah disalurkan kepada rakyat.

Temenggong Haji Helmi pula menyatakan tentang cabaran utama pemimpin akar umbi pada masa kini berbanding pada tahun 80-an dan 90-an. Beliau juga turut berpendapat bahawa ilmu pengetahuan

amat penting sekali bagi pemimpin akar umbi misalnya ilmu pengetahuan tentang IT supaya mereka sedar akan isu-isu semasa sekeliling dan memudahkan mereka berhubung dengan kawasan lain dalam kadar yang cepat dan mudah.

Sementara itu, Encik Indit Bangai, Ketua Penolong Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Penghulu John Tambie Anak Awat, Penghulu Kaum Iban Bahagian Kuching pula telah dijemput untuk rancangan WaiFM.

Untuk pengetahuan semua, Rancangan radio AZAM terbahagi kepada dua slot yang akan ke udara pada setiap dua minggu sekali iaitu Randau Pembangunan Kita (Bahasa Melayu) pada hari Rabu, jam 4.30 petang hingga jam 5.00 petang melalui frekuensi 88.9fm (SarawakFM);



Zon Perindustrian dan Bandar Baru Samalaju (kiri - Sumber: Bintulu Dari Kampung Nelayan ke Industriopolis) dan Projek Pembangunan SCORE (kanan - Sumber: Brosur Sarawak SCORE), antara contoh pembangunan yang sedang dijalankan di Sarawak.

dan Randau Pemansang Menua (Bahasa Iban) pada hari Selasa, jam 9.15 malam hingga jam 10.00 malam melalui frekuensi 101.3fm (WaiFM). Jangan ketinggalan dalam mengikuti slot rancangan radio AZAM yang akan datang kerana sudah pasti rancangan ini akan membincangkan tentang pembangunan di Sarawak yang perlu dikongsi bersama.



Program Radio AZAM ke udara secara langsung melalui Sarawak FM yang bertemakan Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak.

YBhg. Datu Haji Misnu Bin Haji Taha (dua dari kiri) dan Temenggong Haji Helmi Bin Haji Mohd Gol (tiga dari kiri).

TINJAUAN yang dibuat bersama beberapa peserta semasa Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak yang terakhir bertempat di Bintulu, Mac 2011



Abang Suhaili B. Abang Mohammad,
Temenggong Bahagian Bintulu

Soalan 1:
Apakah pandangan anda mengenai pembangunan yang berlaku di kawasan anda dan di Sarawak khususnya?

"Pada pandangan saya, selepas mencapai kemerdekaan, sudah banyak pembangunan yang berlaku di Bintulu dan bahagian-bahagian lain di Sarawak. Kini, pembangunan infrastruktur seperti jalan raya menjadi semakin baik berbanding tahun-tahun lepas. Nampaknya, pembangunan kini semakin maju dan pesat. Namun, ada beberapa tempat di kawasan pedalaman yang belum membangun sepenuhnya". Beliau juga ada berharap agar penduduk di pedalaman bersabar menunggu pembangunan yang akan dijalankan di kawasan mereka.



Pangeran Hamdan,
Ketua Kaum, Kpg. Assykirin Bintulu

Soalan 2:
Apakah pendapat anda mengenai Koridor Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan bagaimanakah SCORE boleh memberi manfaat (dari segi sosio-ekonomi) kepada masyarakat di bawah jagaan anda?

"Pada peringkat awal, saya kurang faham tentang SCORE. Saya fikir ianya sama seperti 'SKOR' gol dalam permainan bola sepak. Tetapi, selepas menghadiri seminar ini, baru saya faham apa yang dimaksudkan dengan SCORE", kata beliau. Tambah beliau lagi, beliau yakin bahawa SCORE ini dapat memberikan banyak peluang dari segi peluang pekerjaan, dan perniagaan. Beliau juga berharap agar pihak-pihak yang berkenaan boleh menyalurkan lebih banyak lagi maklumat tentang SCORE agar penduduk di kawasan pedalaman juga turut sama dapat mengetahui kelebihan SCORE ini.



Temenggong Ang Keng Su,
Bahagian Limbang

Soalan 3:
Apakah pandangan anda mengenai konsep 1Malaysia? Mengapakah ianya dianggap sebagai teras kestabilan negeri yang boleh menyumbang kepada pembangunan Negara?

"Konsep 1Malaysia ini merupakan satu konsep kenegaraan yang baik kerana dapat memupuk semangat perpaduan antara masyarakat di Sarawak. Sebenarnya sudah lama kita di Sarawak dapat hidup bersatu, jadi bagi saya, konsep ini lebih mudah diaplikasikan di Sarawak".



Haji Sulaiman Bin Rusan,
Penghulu Daerah Sebauh, Bintulu

Soalan 4:
Apakah pandangan anda tentang pelaksanaan Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010/2011 ini?

"Seminar ini banyak memberi perkara baik kepada kami sebagai ketua masyarakat. Bagi saya, melalui seminar ini, semangat perpaduan dapat diertatkan lagi kerana peserta seminar terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama". Haji Sulaiman juga ada menyatakan bahawa seminar seperti ini dapat membuka minda mereka untuk mengetahui lebih banyak perkara baru mengenai pembangunan yang berlaku di Sarawak. "Nasihat dan amanat daripada Ketua Menteri agar kita semua bersatu-padu dalam membangunkan negeri Sarawak haruslah didengari oleh semua pihak", tambah beliau lagi.



Antara isi kandungan dalam buku nota ini adalah bahagian khas di mana terdapat panduan bagi Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat untuk mengumpul maklumat penting mengenai masyarakat masing-masing dan juga mengenai projek pembangunan yang terdapat di kawasan di bawah jagaan mereka. Buku nota ini juga mengandungi senarai agensi kerajaan yang penting dan maklumat mengenai negeri Sarawak.

Tahukah anda???



Temenggong Hajah Junia,
Temenggong Bahagian Sarikei
mengetuai bacaan ikrar pada 24 Januari 2011 yang diadakan di Sarikei

- Tahukah anda, Temenggong Hajah Junia Haji Olia, Temenggong Melayu Bahagian Sarikei merupakan satu-satunya Temenggong Wanita yang dilantik sebagai pembaca ikrar untuk memimpin bacaan ikrar semasa Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat Negeri Sarawak 2010-2011.

- Tahukah anda, 2 buah buku Nota Rasmi yang julung-julung kalinya diterbitkan hasil ilham daripada Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak untuk dijadikan sebagai panduan kepada Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat dalam menjalankan tugas mereka. Buku tersebut ialah Nota Rasmi Ketua Masyarakat dan Nota Rasmi Ketua Kaum.



JAKO TANGKAN

PESAN ARI KETUAI PENGIRING MENUA NGAGAI PENGIRING BALA PENYUKUNG PERINGKAT BARUH

"Enti nadai rukun pengiring, raban bansa disempamaka baka 'sebuah kapal ke nadai kemudi' enda nemu tuju luan"

- Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Kepala Menteri Sarawak.

Pantun jaku tu nunjukka iya nya pengukuh iring ba bala penyukung sigi pun pemansang di menua tu. Enti nadai pengukuh ti baka nya ba peringkat bala penyukung, dia sebengkah-sebengkah raban bansa nya enda ulih dikemansangka lalu sida tau disempamaka baka sebuah kapal ke nadai pengemudi, lalu pengujung iya tentu deka tedampar di tengah-tengah tasik luar. Nambahka nya, ku Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, pemujur enggau pemansang mega enda ulih bejalai enggau manah enti nadai konsep pengiring ti menua. "Nadai siku mensia lalu terus bisi ngembuan penemu lebuah sida baru ada. Tang penemu ulih dipelajarka sida, lalu penemu nya deka betambah berari lebuah sida mula bechampur gaur sereta belajar ari orang ke pandai agi sereta ngembuan mayuh peneleba, ke ngujungka sida lalu berakal nguna penemu nya dalam pendiau enggau pengidup sida besehari-sehari ke lebih manah enggau senang lantang".

"Pemansang ulih mali mensia ke nadai seling penemu lebuah agi mit nyadi mensia ke bepenemu ari ke ngauk penemu nya ari rampa pendiau ke bekelingi enggau iya, baka ari sekula enggau apai indai. Penemu ke diulih nya tadi, lepas nya, tau jadika pelasar dikena meragam sesebansa penanggul sereta lalu nguji mutarka penanggul nya enggau naka ulih".

Ari nya, penemu beguna bendar lalu patut dikerembaika awakka kitai ulih nyatup sebarang penanggul tauka penekul ke besai agi sereta megai menua tu ngambika maju agi ari ke udah. Nyerebak nya, nemiak ke nyadi generasi pelapis endang diperansang besekula pandai-pandai sampai ke menua tasik ngambika sida ulih ngemansangka diri-empu.

Lebuah kitai udah ulih meragam reti pemansang enggau pemaju secharama, ari nya kitai ulih ngatur strategi ti berasil ke seluruh raban bansa ngambika sida enda tak berarat seinana ditabangka arus maya enggau pengidup moden, ti kitai nya bisi tebiat iring ke tegap. Pemansang endang nadai enti nadai tuai ngiring. Pemansang endang nadai enti nadai tampai jelai, laban nya indah enda baka pengawa ke belayar di tasik nadai bemalinka kar.

Tu terang bendar nunjukka pengiring nya betul-betul baka siku kaptin kapal ke ngemudika kapal, bemalinka kar awakka enda tedampar sereta lalu nemu nentuka uing ke dituju kapal nya.

Disebut ngena jaku bukai, tiap-tiap setiar ti dikereja dalam proses pemansang tu

semina ulih dipejalaika enggau manah enti bepelasarka iring ke menua ke terus ulih ngasilka pemaik, penyerakup enggau pemujur di menua tu. Antara pemujur ke udah bisi diasaiika Malaysia enggau menua Sarawak nya nyengkaum penegap politik ti manah, penyerakup rayat ti kukuh, pengering pengawa ke nyaga pemaik nengeri enggau menua, enggau pemanah asil bela perintah ke ulih ngisi peminta ari rayat ke ari mayuh pupu raban bansa. Pekara tu udah nyata amat, iya nya pemujur ke bisi diasaiika jam ke diatu sigi endang asil ari kukun pengawa raban bansa ke beserakup kenya ari menya. Ari nya, Sarawak ulih mujur maju dalam timpuh 30 taun ti udah tu.

Kemayatu, kitai ulih meda, mayuh suku raban bansa ke ba siti endur sekalika sebengkah genturung pendiau, enda milih nya ba tempat kereja tauka pasar ke endur bejal-bebeli, ulih begulai sejalai enggau diri sama diri berindik ari penyanang pengelantang ke mujur dibina dalam timpuh betaun-taun ti udah tu.

Kelimpah ari nya, ketegal penemeu enggau pengelandik teknologi ke semakin sofistikitet, mayuh macham setiar udah dipejalaika dikena meri penemu ngagai rayat ke lebih agi dalam bidang IT ngambika rayat kitai di menua tu enda alah laban rayat ke di menua bukai.

Nambahka nya, tapi ti pepadu besai dalam pengawa ke nyadi tuai iya nya nyaga penyerakup di antara raban bansa enggau penegap pekar politik ngambika ulih mantu dalam pengawa ke nyeridika generasi nemiak ke lebih pintar enggau ngembuan daya semekih ke nyulut tinggi. Pekara tu nunjukka iya nya tanggung pengawa pengiring bala penyukung sigi berat amat ke alai sida ngempu kuasa ti luas ngapuh raban bansa ke lebih agi generasi nemiak ngambika sida ulih nyadi pengereja pengawa ke profesional ke tebangkar, ulih dipechaya, bisi ngembuan penau enggau pengelandik ti nyulut, ke ngujungka sida teulihka gaji ti besai sekalika penatai belanja ti ngenyenangka. Ketegal nya, lebuah SCORE mula dipejadika, kitai nguna pengelayak pengereja pengawa ke pintar sereta bisi pengelandik awakka sama enggau perintah nganjak pemaju enggau pemansang ti semampai teguh kukuh.

Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud mesan pengiring bala penyukung iya nya pemujur enggau pemansang deka mudah agi diulih enti tiap-tiap raban bansa bela begempung ati dalam pengawa nanka penyerakup.

Laban tanggungjawab ti dipejalaika sida ke nyadi pengiring bala penyukung tu kelalu berat, nya kebuah sida sedia disikapka enggau mayuh macham latih tauka seminar pasal megai orang ngambika iring sida lebih agi berasil sereta dikasika orang.

Ikrar Ketua Masyarakat Dan Ketua Kaum

KAMI, KETUA MASYARAKAT DAN KETUA KAUM, DENGAN SEPENUH HATI BERIKRAR MEMPERTAHANKAN DAN MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KAMI MELALUI TINDAKAN-TINDAKAN BERIKUT :-

- MENDOKONG PENUH DASAR-DASAR PEMBANGUNAN DAN PENTADBIRAN KERAJAAN;
- MENJADI PENGHUBUNG RAKYAT DAN KERAJAAN YANG BERKESAN;
- MENGAMALKAN NILAI-NILAI MURNI DAN INTEGRITI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS;
- MENGERTAKAN PERPADUAN RAKYAT
- MEMARTABATKAN BUDAYA DAN ADAT MASYARAKAT

Nya alai, berengkah ba ujung taun 2010 datai ke Mac 2011, bisi 9 bengkah Seminar Pemansang enggau Iring Tuai Raban Bansa Peringkat Sarawak bisi diatur di serata sitak di menua tu, berengkah ba Sitak Kuching lalu tembu ba Sitak Bintulu.

Nitihka penemu ti dipansutka YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, ke nyadi Sekretari Menua Sarawak, seminar tu nya sebengkah ari chara perintah nerikika pengelandik enggau pemintar ngiring bala penyukung ke ukai semina bisi penemu sereta bisi tinjau ti jelai tang mega ngamal rukun pendiau positif iya nya tau dikarap, rurus sereta manah ati ke jadika lunas iring ti bisa sereta dikasika orang.

Senentang tu, terang bendar nunjukka iya nya tuai raban bansa sigi nyadi pengiring bala penyukung ba peringkat baruh, mega lalu betindak nyadi ajen pengerak enggau penempa ubah ba peringkat baruh, ke lebih agi maya ke napi Lenggang Gelumbang Pemansang Kedua, ke nguna ubah dalam jalai bepikir enggau betindak ngambika raban bansa kitai enda tasingkir ari arus pemansang.

Nambahka nya, dalam jaku pelasar ari YB Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem ti dikumbai "Pengiring Raban Penyukung ke Efektif Pun Penyerakup enggau Pemansang" ti nyadi sebengkah ari pekar dikena ngisi program, dia iya lebat nyebut, mulaika pingingat pasal cherita kerembai pekar politik enggau pemansang di menua Sarawak ari Jeman Pegai Jipun, Jeman Pegai Orang Putih, jeman sebedau enggau sepengudah merdeka nyentuk ke kemayaharitu. Tuju iya ke nyebut pekar tu iya nya dikena ngingatka kitai, ke lebih agi pengiring bala penyukung ke di peringkat baruh, ngambika seruran begempung enggau pangan diri enti deka mujur. Ati ke bechaya sekalika penaluk ke pegai tauka iring Kepala Menteri mega bisi diasaiika pengiring ke raban penyukung di peringkat baruh ketegal bisi tanda pemaju enggau pemansang ti makin nyadi-senyadi di menua tu "nyengkaum ari segi pemansang mengeri, infrastruktur, ekonomi, dagang temuai enggau ke bukai.